

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	07 DECEMBER 2016

Iskandar Malaysia bawa pelaburan RM221 bilion

Fakta
nombor

RM215
BILION

sasaran pelaburan di Iskandar Malaysia tahun ini

RM1.3
TRILION

nilai ekonomi Malaysia

BH- 7/12/2016

➔ Pembangunan sejak 10 tahun berjaya wujud hampir 700,000 peluang kerja

Oleh **Zuraidah Mohamed dan Mohd Iskandar Ibrahim**
bhnews@bh.com.my

► **Johor Bahru**

Iskandar Malaysia merekodkan pelaburan terkumpul berjumlah RM221 bilion sepanjang 10 tahun penubuhan wilayah ekonomi itu, melepasi sasaran RM215 bilion tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pelaburan Iskandar Malaysia dalam tempoh 10 tahun juga berjaya mewujudkan hampir 700,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor perkhidmatan seperti logistik, kreatif, pelancongan dan pendidikan.

"Saya juga berpuas hati mendapati jumlah bilangan penduduk Iskandar Malaysia dalam golongan M40 meningkat dalam tempoh tujuh tahun kebelakangan ini. Go-

longan berpendapatan RM3,000 hingga RM5,000 meningkat 7.9 peratus, manakala golongan berpendapatan RM5,000 hingga RM10,000 meningkat 9.8 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Ulang Tahun Ke-10 Iskandar Malaysia (IM10) di Kompleks Sukan Educity di Iskandar Puteri di sini, semalam.

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd; Tan Sri Azman Mokhtar dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim.

Pak Lah cetus idea

Pada majlis itu, Najib mengucapkan terima kasih kepada Abdullah kerana mewujudkan Iskandar Malaysia.

Katanya, cetusan idea Abdullah pada 2006 menjadikan Iskandar Malaysia sebagai sebuah koridor ekonomi yang berjaya.

"Terima kasih kepada Pak Lah (Abdullah) kerana mencetuskan idea koridor ekonomi paling pesat membangun di negara kita ini. Saya hanya menjadi penyambung dan penerus kepada idea ini.

"Begitu juga penghargaan kepada bekas Menteri Besar Johor, (Tan Sri) Abdul Ghani Othman yang menyambut baik kewujudan Iskandar Malaysia dan kini disambung pula oleh Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin," katanya.

Najib turut mengumumkan Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) kini menjadi satu daripada sektor yang digalakkan di Medini, Iskandar Malaysia.

Perdana Menteri turut mengumumkan pembinaan masjid baharu di Taman Bayu Damai, Pe-

ngarang bernilai RM5 juta serta tabung dana RM2 juta menerusi Khazanah Nasional Bhd bagi membantu usahawan muda di Kilang Bateri, Johor Bahru.

Sasar RM2 trilion

Selain itu, Najib juga yakin negara mampu mencapai sasaran menjadi ekonomi bernilai RM2 trilion dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun akan datang.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, perkembangan pesat Iskandar Malaysia juga dijangka menyumbang kepada sasaran berkenaan.

Sementara itu, pada sidang media selepas program berkenaan, Najib berkata ketika ini ekonomi Malaysia berada pada nilai RM1.3 trilion.

Mengenai HSR, katanya, kerajaan akan menandatangani perjanjian bersama Singapura di Kuala Lumpur, minggu depan.